

TUGASAN ESL322 SOSIOLINGUISTIK



School of Education and Cognitive Science

ESL 322 Sociolinguistik

Tugasan

TUGASAN ESL322 SOSIOLINGUISTIK

Pengenalan

Panduan ini menerangkan dengan terperinci Tugas untuk kursus ini. Tujuan panduan ini ialah untuk memastikan bahawa semua pelajar serta Fasilitator Akademik mempunyai maklumat yang sama tentang apa yang dikehendaki. Tugas ini merupakan salah satu komponen penaksiran yang telah ditetapkan untuk kursus ini.

Tugas ini bertujuan untuk **menilai peringkat-peringkat kognitif tahap tinggi**; iaitu kebolehan anda mengaplikasi prinsip & konsep yang telah dipelajari dalam penyelesaian sesuatu masalah, menilai dengan kritis hasil yang diperolehi dan menghasilkan sesuatu yang baru atau mengubahsuai sesuatu yang sedia ada.

Panduan ini juga mengandungi kriteria yang ditetapkan untuk memudahkan Fasilitator Akademik menilai hasil kerja anda.

Penulisan Akademik

Penulisan akademik adalah penulisan ilmiah atau saintifik yang menjawab secara sistematik dan teliti sesuatu persoalan. Penulisan akademik berasaskan kepada idea bahawa kesimpulan hanya boleh diterima bila disokong dengan bukti. Seorang penulis akademik harus mengumpulkan data secara objektif, tidak terpengaruh dengan pegangan sendiri (kecuali tajuk menggalakkan penulis memberi pandangan atau merupakan sesuatu refleksi peribadi), gunakan data yang diperolehi untuk menyokong sesuatu soalan atau hipotesis.

Secara ringkas sesuatu Penulisan Akademik mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menyampaikan fakta secara sistematik, konseptual dan mengikut prosedur yang jelas.
- Penulisan mestilah cermat, tepat, benar dan tidak membuat andaian.
- Setiap pandangan yang dikemukakan disokong dengan bukti.
- Penulisan tidak boleh memutar-belitkan fakta atau melebih-lebihkan sesuatu.
- Menulis dengan jujur dan hanya mengemukakan kebenaran. Tidak ada kenyataan-kenyataan yang menimbulkan keraguan.

Plagiarisme

Apa itu PLAGIARISME?

Plagiarisme ialah apa jua bahan tulisan (esei, projek) yang diserahkan dengan tujuan menipu tentang kebolehan, pengetahuan atau sumbangan oleh seseorang pelajar.

Selaras dengan Seksyen 14.0 *Academic Offence*, dalam Buku Panduan Peraturan Universiti, Asia e University, seorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaa orang lain yang bermaksud seperti berikut:

TUGASAN ESL322 SOSIOLINGUISTIK

- Memetik atau meniru sebulat-bulat hasil kerja orang lain tanpa memberi penghargaan atau membuat rujukan, dan mendakwa bahawa ia adalah hasil ciptaan sendiri.
- Menulis atau mengolah idea orang lain tanpa membuat rujukan. Memang diakui bahawa kita kerap kali mengambil idea orang lain dan ini adalah tidak salah jika kita membuat rujukan dan mengakui sumber,
- Suatu cubaan untuk menonjolkan dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambil daripada beberapa sumber lain. Ini termasuk gambarajah, lukisan, klip video & audio, gambar dan sebagainya.
- Penyerahkan satu esei yang sama untuk memenuhi syarat dua atau lebih kursus.

Bagaimana saya boleh elak daripada PLAGIARISME?

- Pastikan setiap frasa, ayat atau perenggan yang anda petik mempunyai rujukan yang berkaitan dan dinyatakan sumber dalam kurungan.
- Tulis semula ayat atau perenggan dan pastikan rujukan dinyatakan dalam kurungan.
- Gunakan format APA (American Psychological Association) untuk membuat segala rujukan.
- Pastikan anda mengkaji dengan mendalam tentang isu hak cipta dan apa yang anda boleh gunakan tanpa hak cipta.

c) Rujukan

Semua sumber yang anda telah rujuk mesti disenaraikan diakhir tugas anda di bawah seksyen **RUJUKAN**.

Berikut ini ialah kaedah membuat Rujukan.

Daripada Jurnal

DuFour, R. (2002). The learning-centred principal: *Educational Leadership*, 59(8). 12-15.

Daripada Online Jurnal

Evnine, S. J. (2001). The universality of logic: On the connection between rationality and logical ability [Versi Elektronik]. *Mind*, 110, 335-367.

Daripada Halaman Web atau Halaman Sesawang

National Park Service. (2003, February 11). *Abraham Lincoln Birthplace National Historic Site*. Diperolehi February 13, 2003, from <http://www.nps.gov/abli/>

TUGASAN ESL322 SOSIOLINGUISTIK

Daripada Buku

Naisbitt, J. and Aburdence, M. (1989). *Megatrends 2000*. London: Pan Books.

Daripada Bab dalam Buku

Nickerson, R. (1987). Why teach thinking? Dalam J. B. Baron & R.J. Sternberg (Eds), *Teaching thinking skills: Theory and practice*. New York: W.H. Freeman and Company. 27-37.

Daripada Akhbar

Holden, S. (1998, May 16). Frank Sinatra dies at 82: Matchless stylist of pop. *The New York Times*, pp. A1, A22-A23.

	TUGASAN (60%)	
--	----------------------	--

Tugasan ini terdiri daripada TIGA bahagian:

Bahagian A [15%]

1. Huraikan perbezaan ilmu sosiolinguistik dengan sosiologi bahasa. (5 markah) – 3 halaman
2. Perincian aspek-aspek yang selalunya dikaji dalam bidang sosiolinguistik. (5 markah) – 3 halaman
3. Jelaskan kepentingan sosiolinguistik dalam kehidupan masyarakat. (5 markah) - 3 halaman

Bahagian B [20%] – 8 halaman

Tulis satu ESEI bertajuk:

Amalan Guru dan Penguasaan Sosiolinguistik dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu di Sekolah Saya

- Apakah definisi sosiolinguistik?
- Terangkan bagaimana sosiolinguistik mempengaruhi penguasaan aspek ilmu sosiolinguistik dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah anda.
- Berikan contoh-contoh situasi atau keadaan yang berlaku di sekolah anda yang menunjukkan pengaruh sosiolinguistik.

TUGASAN ESL322 SOSIOLINGUISTIK

Bahagian C [25%] – 10 halaman [tidak termasuk lembaran kerja, alat bantuan mengajar]

Untuk bahagian ini, anda kehendaki menggubal SATU rancangan pelajaran untuk pengajaran sosiolinguistik di sekolah berkaitan ilmu interdisiplineri yang membincangkan dan menyusun teori-teori tentang perhubungan masyarakat dan bahasa. Berikan contoh-contoh ayat yang berkaitan dan bersesuaian dengan tajuk.

Garis Panduan:

- a) Pilih salah satu aspek tatabahasa berikut; sistem ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata dan peribahasa.
- b) Rancangan Pelajaran Harian – masa = 30 minit
- c) Tentukan banyak mana aspek tatabahasa yang boleh diajar dalam tempoh 30 minit.
- d) Format Rancangan Pelajaran:
 - Mata Pelajaran & Kelas
 - Tema / Tajuk
 - Masa
 - Standard Pembelajaran
 - Objektif Pembelajaran
 - Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran [*terangkan dengan terperinci apa anda akan lakukan dalam tempoh 60 minit dalam bilik darjah*]
 - i. Langkah 1
 - ii. Langkah 2
 - iii. Langkah 3 dan seterusnya.....
 - EMK: kreativiti / inovasi / teknologi / merentasi kurikulum
 - Bahan Bantu Belajar – kepilkan bahan yang digunakan dalam bentuk kertas A4 [seperti lembaran kerja, gambar, kad dan sebagainya]
 - Penilaian P & P
 - Refleksi

PENTING: RPH hendaklah digubal oleh anda sendiri dan tidak disalin daripada blog atau laman web. [MARKAH AKAN DITOLAK JIKA ANDA BERBUAT DEMIKIAN]

Format Tugas

- Gunakan kertas saiz A4 dan ditaip 1.5 langkau (*1.5 spacing*)
- Gunakan *Font* New Times Roman, saiz 12

Penyerahan Tugas

- Muat naik tugas ke myPLS **sebelum atau pada 27 Mac 2023**
- Jangan lupa menulis NAMA dan NOMBOR MATRIK pada halaman pertama.

TUGASAN ESL322 SOSIOLINGUISTIK**TUGASAN****SEMESTER JANUARI 2023**

KOD KURSUS	ESL 322
NAMA KURSUS	Sosiolinguistik
PROGRAM	SARJANA MUDA PENDIDIKAN
NAMA PELAJAR	
NO. MATRIK	
NAMA FASILITATOR AKADEMIK	
PUSAT PEMBELAJARAN	

MUKA HADAPAN